

Pemulihan COVID-19



Pekerja membersihkan Taman Tema Air Mini Pok Nik di Kuantan, semalam.

(Foto BERNAMA)



# 54 taman tema boleh operasi esok

Pengusaha perlu patuhi SOP, had pengunjung ikut kapasiti ruang

Oleh Rohaniza Idris, Suzalina Halid, Mohd Iskandar Ibrahim, Fahmy A Rosli dan Noor Atiqah Sulaiman  
bhnews@bh.com.my



**Pengusaha semua taman tema perlu mematuhi SOP yang ditetapkan.**

Ismail Sabri Yaakob, Menteri Kanan (Keselamatan)

**Putrajaya:** Sebanyak 54 taman tema, termasuk taman tema air di seluruh negara dibenarkan beroperasi bermula esok dengan mengamalkan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.

Ia diputuskan oleh Mesyuarat Khas Menteri-Menteri Mengenai Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), semalam.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata kebenaran itu membolehkan lebih 10,000 tenaga kerja yang bekerja di taman tema berkenaan.

"Pengusaha semua taman tema perlu mematuhi SOP yang ditetapkan, termasuk memastikan penjarakan sosial dipatuhi pada setiap masa.

"Had pengunjung adalah berdasarkan kapasiti ruang serta saiz kawasan taman tema," katanya pada sidang media harian mengenai Perintah Kawalan Per-

gerakan Pemulihan (PKPP) di sini, semalam.

Ismail Sabri berkata, pengunjung juga perlu menjalani proses pendaftaran melalui aplikasi MySejahtera serta pemeriksaan suhu badan dan penyediaan cecair pencuci tangan.

Bagi pengusaha taman tema air, mereka perlu mengikut Garis Panduan Pengurusan dan Penyelenggaraan Kolam Renang Awam oleh Pihak Berkuasa Tempatan, serta Garis Panduan Pemantauan Kualiti Kolam Air.

"Garis Panduan serta SOP boleh diperolehi dari laman sesawang Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan juga Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC)," katanya.


Sementara itu, Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ke-

bimbangan utama KKM adalah berlakunya perhimpunan serta kesesakan orang ramai apabila taman tema mula dibuka.

"Justeru, kami menasihatkan semua pihak mengambil langkah pencegahan dan menjaga kebersihan. Malah, taman tema yang beroperasi juga tidak dibuka 100 peratus bagi mengelakkan kesesakan," katanya pada sidang media harian COVID-19 di sini.

Mengulas mengenai kebersihan air, Dr Noor Hisham menasihati pengusaha taman tema air supaya membersihkan kolam dan air dengan lebih kerap.

"Isu kebersihan air yang digunakan di taman tema bukan isu baharu. Air yang digunakan perlu mengikut tahap kebersihan iaitu menggunakan klorin," katanya.



Hidangan bufet atau layanan diri tidak dibenarkan membabitkan majlis perkahwinan, kenduri dan pertunangan. Foto Shahrul Hafiz Zam/BH

## Hidangan bufet tidak dibenar dalam majlis sosial

**Putrajaya:** Hidangan makanan dalam bentuk bufet atau layanan diri tidak dibenarkan dalam pengumuman majlis sosial, termasuk majlis perkahwinan, kenduri dan pertunangan.

Selain itu, majlis juga tidak dibenarkan sekiranya pengunjung sukar untuk mengawal keadaan dan kesesakan tetamu.

Peraturan itu termaktub dalam prosedur operasi standard (SOP) pengumuman majlis sosial yang diluluskan Mesyuarat Khas Menteri-Menteri Mengenai Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) pada 22 Jun lalu.

Kementerian Perpaduan Negara dalam kenyataannya menyebut SOP berkenaan juga terpakai untuk pengumuman kenduri atau majlis perkahwinan atau majlis sosial lain di rumah ibadat bukan Islam.

"Pengunjung perlu memastikan tetamu makan dalam kedudukan

penjarakan sosial dan tidak berkumpul ketika makan.

"Tetamu dilarang berkumpul atau berhimpun di luar ruang majlis sebelum atau selepas selesai majlis," katanya.

Kenyataan itu menyebut, SOP berkenaan menetapkan had kapasiti kehadiran adalah 250 orang atau kurang mengikut saiz ruang majlis dengan penjarakan sosial dan tertakluk dengan tempoh pengumuman selama tiga hingga lima jam.

Terdahulu pada sidang medianya, Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, menjelaskan kebenaran jumlah tetamu tidak melebihi 250 orang pada satu-satu masa untuk majlis sosial juga terpakai untuk majlis akad nikah.

Katanya, had tetamu tidak melebihi 250 orang pada satu-satu masa juga tertakluk kepada majlis jamuan perkahwinan di rumah ibadat bukan Islam.

## Kebenaran konvoi ditarik jika peserta ingkar SOP

**Putrajaya:** Kebenaran aktiviti berkonvoi kenderaan akan ditarik semula sekiranya peserta gagal mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata setiap peserta konvoi perlu memastikan kawalan sendiri dan mempraktikkan SOP.

"Kejadian (konvoi melanggar SOP) yang berlaku di Pahang semalam (kelmarin), kita anggap sebagai kes terencil kerana ini adalah kejadian pertama.

"Namun, jika perkara ini berterusan, kebenaran yang kita berikan ini akan ditarik semula. Bukan mustahil untuk kerajaan

menarik semula kebenaran yang diberikan," katanya di sini, semalam.

Mengulas pematuhan SOP semasa tempoh berkempen di Pilihan Raya Kecil (PRK) Chini, Ismail Sabri berkata, pasukan pemantau diketuai Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan memastikan SOP dipatuhi.

"Saya tidak tahu berapa banyak laporan tentang pelanggaran SOP di Chini, namun saya ingin mengingatkan kepada semua di Chini tidak kira calon, petugas, orang ramai, penyokong dan pengundi bahawa kegagalan pematuhan SOP boleh diambil tindakan," katanya.